

ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

MAY LUXURY HOTEL

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. ABDUL HAMEED BIN MD. MYDIN

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD NAZIMI SANI	93780899
HAZRINA HUSSIN	93843606
MOHD. FAUZY IDRIS	93786977
MOHD. ISFAREEN ISNIN	93862214
NURUL AMIR ISHAK	93767880

17 APRIL 1996

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pentadbiran awam
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Encik Abdul Hameed Bin Md. Mydin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Tuan

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, kami telah diarahkan untuk mencadangkan sebuah rancangan perniagaan dan perlu diserahkan pada 12 April 1996. Sehubungan dengan itu, kami telah mencadangkan serta mereka rancangan perniagaan kami iaitu *Hotel Tiga Bintang*.

Laporan ini disediakan bagi melengkapkan syarat untuk menerima diploma kami. Bersama ini kami sertakan kertas kerja rancangan perniagaan kami yang memuatkan bahagian-bahagian penting projek kami yang meliputi aspek pengurusan, pemasaran, operasi dan kewangan.


Kami telah memperolehi segala maklumat serta bahan yang diperlukan daripada pelbagai pihak di sekitar Kuala Lumpur, Pahang, Kedah, Johor dan Melaka serta pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan kerjasama kepada kami.

Akhir kata, segala kerjasama, maklumat, nasihat serta bimbingan daripada pihak tertentu dalam menjayakan kertas kerja ini amatlah dihargai. Pihak kami sentiasa bersedia untuk memberikan segala maklumat tambahan yang diperlukan jika terdapat sebarang persoalan atau kekeliruan yang timbul.


Sekian, terima kasih.


Yang benar,


Ahmad Nazimi



Hazrina


Mohd Fauz


Mohd Isfareen


Nurul Amir

Sani



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 18hb. Januari 1996
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Ahmad Nazimi Sani	93780899
2.	Mohd Isfareen Isnin	93862214
3.	Hazrina Hussin	93843606
4.	Nurul Amir Ishak	93767880
5.	Mohd Fauzy Idris	93786977

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


JASMINE AHMAD
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

1.0 PENGENALAN

May Luxury Hotel adalah merupakan satu cadangan Rancangan Perniagaan yang disediakan bagi mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan perhotelan khususnya bagi perniagaan perhotelan kategori Tiga Bintang . Di dalam Rancangan Perniagaan ini terkandung cadangan bagaimana untuk mentadbir , mengoperasi , memasar dan menguruskan kewangan perniagaan jenis ini . Perkhidmatan perhotelan yang dicadangkan di Ayer Keroh ini dijangkakan akan dapat menampung kekurangan penginapan yang akan dihadapi bagi pelancong - pelancong yang akan datang ke negara Malaysia khususnya ke negeri Melaka .

Pertambahan pelancong yang akan datang ke negeri Melaka dijangkakan akan meningkat secara mendadak oleh kerana Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Komenwel 1998 dan Malaysia mempunyai pusat tarikan pelancongan yang terkenal di seluruh dunia . Tujuan kumpulan kami mencadangkan Rancangan Perniagaan seperti yang disebutkan di atas kerana :

- i) Untuk menambahkan lagi bilangan usahawan bumiputera yang bergiat dalam bidang perniagaan ini .
- ii) Untuk menyahut seruan kerajaan iaitu Wawasan 2020 supaya kaum bumiputera bergiat di dalam bidang perniagaan yang lebih mencabar .
- iii) Ia mempunyai prospek yang baik kerana negeri Melaka terkenal dengan kesan sejarahnya .